

Malaysia ada hak

Oleh Kadir Dikoh dan Hassan Omar

BH 16/7/03

KUALA LUMPUR: Malaysia mempersoalkan dakwaan Singapura kononnya Kuala Lumpur sudah hilang hak untuk mengkaji semula harga air mentah yang dijual ke republik itu selepas tidak berbuat demikian pada 1986 dan 1987.

“Kalaulah Malaysia sudah hilang hak mengkaji semula harga air, mengapa pula Menteri Kanan, Lee Kuan Yew datang ke Kuala Lumpur untuk berunding mengenai harga air?”

Inilah persoalan dilontarkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam siri iklan terbarunya yang disiarkan akhbar tempatan, hari ini.

Dalam iklan itu, MTEN menjelaskan Fasal 17 Perjanjian Air 1961 dan Fasal 14 Perjanjian Air 1962 jelas menyatakan bahawa harga air “adalah tertakluk kepada kajian semula selepas tamat tempoh 25 tahun...”

Lihat Minda Pengarang di Muka 12

“Dua puluh lima tahun selepas 1961 dan 1962 bermakna bila-bila masa saja selepas 1986 dan 1987. Ini tidak bermakna kajian semula itu mesti dilakukan pada 1986 dan 1987,” jelas MTEN dalam iklan keempat itu.

MTEN mula menerbitkan siri iklan sejak Ahad lalu dan akan menerbitkan buku kecil bagi memperbetulkan salah tanggapan dan tuduhan Kerajaan Singapura melalui buku kecil yang dikeluarkan republik itu Mac lalu, bertajuk *Rundingan Air – Hakikat Sebenarnya*.

Penerbitan iklan itu bagaimanapun disifatkan Singapura sebagai mengulangi cerita lama.

Jurucakap Kementerian Luar Singapura dalam satu kenyataan malam kelmarin sebagai reaksi pertama terhadap iklan itu, juga berkata pihaknya tidak mempunyai fakta baru untuk didedahkan, selain rekod mesyuarat kedua-dua Menteri Luar pada Julai dan September 2002 dan mesyuarat pegawai kanan.

Mengulas kenyataan itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata MTEN akan terus mengeluarkan siri iklan di akhbar hasil penyelidikan yang rapi.

“Kita yakin rakyat Malaysia akan memahami, rakyat Singapura akan memahami apa yang kita telah buat. Apa yang telah kita iklankan itu, dari segi maklumat dan fakta, semua adalah hasil penyelidikan yang rapi,” katanya selepas melancarkan Pusat Pembangunan Perniagaan Makanan Berasaskan Pertanian di Wisma Tani di sini.

Abdullah juga menegaskan Malaysia tetap dengan pendiriannya berkisar kepada isu air walau apapun alasan diberikan Singapura.

Beliau berkata, terpulang kepada Singapura

Singapura berdolak-dalik harga air

► DARI MUKA 1

apa yang ingin mereka perkatakan mengenai isu itu.

“Itu dia katalah... dia mesti ada sesuatu yang dia nak kata. Tetapi banyak orang yang terbaca (iklan MTEN), bukan dia saja, kita yakin rakyat akan memahaminya. Biar mereka baca iklan itu, saya tidak mahu berdialog menerusi media,” katanya.

Pada November lalu, Perdana Menteri juga pernah menolak pandangan Singapura bahawa Malaysia tidak mempunyai hak untuk menyemak semula harga air berdasarkan Perjanjian Air 1961 dan 1962.

Dr Mahathir ketika itu berkata: “Jika Malaysia tiada hak dari segi undang-undang, mengapa Singapura sendiri yang mencadangkan supaya semakan harga air dilakukan.”

“Saya tidak faham dengan Singapura. Lee Kuan Yew yang datang untuk berjumpa saya dan dia datang dua kali (Ogos 2000 dan September 2001), untuk mencadangkan su-

paya harga air dinaikkan kepada 45 sen dan harga itu dikekalkan sehingga 2011. Kita pula kata harganya patut dinaikkan kepada 60 sen, 15 sen lebih tinggi.

“Dengan kata lain, dia menerima keperluan untuk menyemak harga air. Dia sendiri nampaknya sedar harga 3 sen bagi sefiap 1,000 gelen yang ditetapkan pada 1927, bukan harga adil. Sekarang mereka kata kita tidak ada hak pula.

“Inilah masalah Singapura. Sehari mereka bercakap mengenai hendak mempertimbangkan untuk menyemak harga air. Hari berikutnya mereka kata tidak, tidak, tidak, tidak ada keperluan,” kata Dr Mahathir.

Sebelum ini, Menteri Luar Singapura, S Jayakumar mendakwa hak Malaysia menyemak harga air gugur secara automatik kerana tidak berbuat demikian pada 1986 dan 1987 kononnya perjanjian pembelian air 1961 dan 1962 cuma memberi Malaysia hak berbuat demikian apabila genap 25 tahun.